

**Raja Muda Mahu Perlis Jadi Negeri Pelancongan  
Bernama  
7 Jun, 2012**

KUALA LUMPUR, 7 Jun (Bernama) -- Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail mahu Perlis memperluaskan sektor pelancongannya untuk menjadikannya antara negeri pelancongan terkemuka di Malaysia.

Sehubungan itu, baginda bertitah Perlis perlu meningkatkan usahanya dalam sektor pelancongan kerana ia boleh menjadi antara penyumbang utama kepada pendapatan negeri.

Baginda bertitah pertambahan kemasukan pelancong boleh mendorong sektor swasta untuk aktif dalam pertumbuhan industri pelancongan Perlis melalui pelaburan dalam bidang perhotelan dan projek berkaitan pelancongan.

"Antara peluang pelaburan itu termasuk hotel-hotel bertaraf lima bintang, pembinaan 'mini circuit' untuk aktiviti permotoran seperti RC-Motorsport, Cub Prix dan Go-Kart.

"Sektor pelancongan boleh memberikan banyak kesan positif terhadap pembangunan sosio ekonomi dan sosio budaya," titah baginda ketika berucap merasmikan Pesta Negeri Perlis 2012 di Menara Kuala Lumpur di sini, Khamis.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=671319>